

03/11/1998

Saintis tempatan perlu cipta teknologi sendiri

Faizal Fadzil

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta golongan saintifik tempatan mencipta teknologi dan inovasi kejuruteraan sendiri bagi mengurangkan kos teknologi import, sekali gus membantu mempercepatkan proses pemulihan ekonomi.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan sedia memperuntukkan wang bagi bidang penyelidikan khususnya penyelidikan gunaan bagi mencapai matlamat itu.

"Masyarakat saintifik tempatan wajar membentuk teknologi dan inovasi kejuruteraan tersendiri bagi mengurangkan kos teknologi import dan kemungkinan inovasi mereka itu dieksport untuk mendapatkan bayaran royalti.

"Malaysia akan membelanjakan wang bagi penyelidikan, khasnya penyelidikan gunaan. Pemulihan ekonomi boleh dipercepatkan dan kita boleh bangkit daripada krisis itu lebih utuh lagi," katanya pada majlis makan malam tahunan Akademi Sains Malaysia (ASM), di sini malam ini.

Hadir sama isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Presiden ASM, Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman.

Dr Mahathir berkata, sebagai negara membangun, Malaysia tidak mempunyai tabungan yang cukup untuk penyelidikan asal dan gunaan.

Pada masa yang sama, katanya, royalti yang dibayar Malaysia untuk teknologi yang diimport setiap tahun adalah tinggi.

"Ini menyebabkan pengaliran keluar pendapatan pertukaran asing kita. Ketika krisis ekonomi seperti sekarang ini, kita tidak mampu menghadapi pengaliran keluar dana kita," katanya.

Dr Mahathir berkata, masyarakat saintifik tempatan perlu memperkenalkan atau membentuk sesuatu, terus mencabar pemikiran lama dengan idea baru, meneroka pengetahuan baru dan menyelesaikan masalah.

"Kita perlu berusaha gigih bagi mencapai kecemerlangan dan menjadikan Malaysia antara negara terkemuka di dunia dalam bidang sains dan teknologi," katanya.

Menurutnya, saintis perlu memanfaatkan infrastruktur dan kemudahan yang disediakan kerajaan dalam usaha meneroka penemuan baru.

"Kerajaan tetap komited dalam menggalakkan bidang sains, kejuruteraan dan teknologi. Kita sudah merumuskan dasar, menyediakan infrastruktur dan memperuntukkan sumber kewangan.

"Tetapi, lebih daripada itu kita memerlukan masyarakat saintifik dan industri membawanya lagi ke depan," katanya.

Justeru, beliau mencabar masyarakat saintifik menampilkan seorang pemenang hadiah Nobel sebelum tahun 2020 kerana sebelum ini mereka sudah banyak membuat penemuan dalam pelbagai bidang sains, kejuruteraan dan teknologi.

Beliau berkata, usaha terbaru kerajaan memperkukuhkan kedudukan ekonomi negara ialah menubuhkan Koridor Raya Multimedia (MSC) yang akan membuka laluan bagi Malaysia untuk bersaing dalam era teknologi maklumat.

Dr Mahathir berkata, kini, banyak tekanan dikenakan untuk membuka pasaran dan negara kepada semua, tetapi tiada tekanan untuk memastikan sains, kejuruteraan dan teknologi disediakan bagi setiap negara dan semua orang.

"Sebenarnya tekanan untuk melindungi harta intelek semakin kuat hari ini berbanding pada bila-bila masa dalam sejarah. Jentera institusi antarabangsa dan kerajaan yang berpengaruh digerakkan untuk melindungi harta intelek.

"Nampaknya ada sesuatu yang tidak betul dengan ini. Mengapa sedangkan pasaran tidak boleh dilindungi, harta intelek dilindungi tidak kira apa kosnya dan pasaran itu mungkin pula satu-satunya aset bagi negara miskin," katanya.

Dengan berkata `satu pilihan perlu dibuat di sini.' Dr Mahathir berkata: "Jika kita ingin melindungi harta intelek maka kita juga mesti melindungi pasaran."

Pada majlis yang sama, Perdana Menteri menyampaikan sijil kepada tujuh fellow baru ASM.

(END)